باچوق

BANDAR PELANCONGAN ISLAM

باندر ڤلنچوڠن اسلام

مجليس دايره باچوق باندر ڤلنچوڠن اسلام

**MAJLIS DAERAH BACHOK**
**BANDAR PELANCONGAN ISLAM**

**JALAN PANTAI IRAMA BACHOK,**
**16300 BACHOK, KELANTAN DARUL NAIM.**
**TEL : 09 - 77 87 636  FAX : 09 - 77 89 533**
**LAMAN WEB : www.mdbachok.kelantan.gov.my**

*Telefon:*

| | | |
|---|---|---|
| Setiausaha MDB | : | 09-7787620 / 36 |
| Bahagian Pentadbiran | : | 09-7787635 / 28 / 29 |
| Bahagian Kesihatan & Persekitaran | : | 09-7787622 / 31 |
| Bahagian OSC | : | 09-7787632 / 23 / 31 |
| Bahagian Kewangan | : | 09-7787624 / 30 |
| Bahagian Perancangan & Bangunan | : | 09-7787621 / 25 / 40 |
| Bahagian Teknikal (Projek) | : | 09-7787626 |
| Bahagian Penilaian & Cukai Pintu | : | 09-7787627 / 41 |
| Bahagian Penguatkuasaan | : | 09-7787639 / 34 |
| Bahagian Teknologi Maklumat | : | 09-7787633 |

Email : mdbachok@kelantan.gov.my


Rujukan Kami : MDB 199/3(   )
Bertarikh : 31 Oktober 2023
Bersamaan : 16 Rabiul Akhir 1445H

Ke majlis:

Sebagaimana Senarai Edaran

YM Tengku / Tuan/ Puan,

**IKLAN JAWATAN KOSONG MAJLIS DAERAH BACHOK BANDAR PELANCONGAN ISLAM**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bersama-sama ini dilampirkan satu (1) salinan Iklan Jawatan Kosong *'Contract For Service'* di Majlis Daerah Bachok Bandar Pelancongan Islam untuk dipamerkan di papan kenyataan pejabat YM Tengku/ Tuan/ Puan untuk makluman orang awam yang berminat untuk memohon jawatan tersebut.

3. Di atas kerjasama pihak YM Tengku/ Tuan/ Puan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

**"ISLAM MEMIMPIN, RAJA MENAUNGI, NEGERI BERKAT"**
**"SEMOGA ALLAH MELINDUNGI TUANKU DUNIA DAN AKHIRAT"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(MOHD EZAZEE BIN MOHD EMBONG)**
Setiausaha
**b.p. YANG DIPERTUA**
**MAJLIS DAERAH BACHOK BANDAR PELANCONGAN ISLAM**

s.k. i) Yang Dipertua MDBBPI
ii) Semua Ahli Majlis MDBBPI

**SENARAI EDARAN**

1. YABrs. Ketua Jajahan Bachok
2. YM. Ketua Jajahan Kota Bharu
3. YABrs. Ketua Jajahan Gua Musang
4. YABrs. Ketua Jajahan Tanah Merah
5. YABrs. Ketua Jajahan Pasir Puteh
6. YABrs. Ketua Jajahan Machang
7. YABrs. Ketua Jajahan Tumpat
8. YABrs. Ketua Jajahan Kuala Krai
9. YABrs. Ketua Jajahan Pasir Mas
10. YABrs. Ketua Jajahan Jeli
11. YABrs. Ketua Jajahan Kecil Lojing
12. YBrs. Setiausaha Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandaraya Islam
13. YBrs. Setiausaha Majlis Daerah Ketereh Perbandaran Islam
14. YBrs. Setiausaha Majlis Daerah Gua Musang
15. YBrs. Setiausaha Majlis Daerah Tanah Merah
16. YBrs. Setiausaha Majlis Daerah Kuala Krai
17. YBrs. Setiausaha Majlis Daerah Dabong
18. YBrs. Setiausaha Majlis Daerah Pasir Puteh
19. YBrs. Setiausaha Majlis Daerah Machang
20. YBrs. Setiausaha Majlis Daerah Tumpat
21. YBrs. Setiausaha Majlis Daerah Pasir Mas
22. YBrs. Setiausaha Majlis Daerah Jeli

**MAJLIS DAERAH BACHOK BANDAR PELANCONGAN ISLAM**
**IKLAN JAWATAN KOSONG**

| | |
|---|---|
| **1. Jawatan** | **: Pemandu Kenderaan Gred H11** |
| Klasifikasi | : Kemahiran |
| Kumpulan | : Pelaksana |
| Kekosongan | : 2 |
| No. Fail | : MDB/199/12/6 |
| Taraf Jawatan | : Kontrak *(Contract For Service)* |
| Jadual Gaji H11 | : Min : RM1,218.00 – Max : RM2,939.00<br>( Kadar Kenaikan Gaji Tahunan : RM 80.00 ) |

**Syarat lantikan:**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- Warganegara Malaysia; dan
- berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3)/Penilaian Menengah Rendah (PMR) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
- lesen memandu **Kelas H** yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P)]; dan
- berkebolehan memandu, mengendali dan menyenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini. Gaji permulaan Gred H11 ditetapkan mengikut Kelas Lesen Memandu:
  a) Lesen D : RM1,264.15
  b) Lesen E/E1/E2 : RM1,310.30
  **c) Lesen F/H : RM1,356.45**
  d) Lesen G/I : RM1,402.60
- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat PT3/PMR atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**Deskripsi tugas:**

Bertanggungjawab melaksanakan skop tugas pemanduan kenderaan yang memerlukan lesen memandu yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan serta menjaga kenderaan/jentera di bawah kelolaannya supaya sentiasa berada dalam keadaan bersih dan selamat untuk setiap perjalanan.

**CARA MEMOHON:**

a. Semua permohonan hendaklah menggunakan **borang permohonan Jawatan MDBBPI.1** berharga RM3.00 atau mengirim sampul beralamat sendiri berukuran 32 cm x 22 cm beserta wang pos bernilai RM3.00 di atas nama Yang Dipertua Majlis Daerah Bachok Bandar Pelancongan Islam serta setem ke alamat berikut atau boleh diperolehi di Bahagian Pentadbiran Majlis Daerah Bachok Bandar Pelancongan Islam, 16300 Bachok, Kelantan.

b. **Satu permohonan** jawatan sahaja boleh diisi menggunakan satu **borang permohonan jawatan MDBBPI.1**

c. Borang permohonan hendaklah ditandatangani dan disertakan dengan sekeping gambar berukuran passport, salinan Kad Pengenalan, Lesen Memandu, Sijil Kelahiran, Sijil-Sijil Persekolahan,sijil/diploma/ijazah yang berkaitan, keputusan peperiksaan akhir bagi kelayakan yang disyaratkan dan lain-lain dokumen pengesahan yang berkaitan dengan jawatan yang dipohon **yang telah disahkan.**

d. Pegawai-pegawai Kerajaan yang sedang berkhidmat hendaklah dikemukakan melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005 dan menyertakan bersama-sama dengan Kenyataan Perkhidmatan yang kemaskini dan Laporan Prestasi.

e. Permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar kepada:

**YANG DIPERTUA**
**MAJLIS DAERAH BACHOK BANDAR PELANCONGAN ISLAM,**
**16300 BACHOK KELANTAN.**

f. Tarikh Jawatan Diiklankan : 2 November 2023

g. Tarikh Tutup Permohonan : 15 November 2023

h. Catatan Am

- Permohonan yang tidak lengkap dan memenuhi syarat akan ditolak.
- Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja yang akan dipanggil untuk ditemuduga.
- Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan tidak berjaya.

Sekian

**"ISLAM MEMIMPIN, RAJA MENAUNGI, NEGERI BERKAT"**
**"SEMOGA ALLAH MELINDUNGI TUANKU DUNIA DAN AKHIRAT"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(MOHD EZAZEE BIN MOHD EMBONG)**
Setiausaha
**b.p: YANG DIPERTUA**
**MAJLIS DAERAH BACHOK BANDAR PELANCONGAN ISLAM**